

PEMERIKSAAN TAHUNAN AUDIT IGTU KE PANGKALAN UDARA GONG KEDAK

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3185-pemeriksaan-tahunan-audit-igtu-ke-pangkalan-udara-gong-kedak

GONG KEDAK, 15 Mac 18 – Pemeriksaan Tahunan Audit IGTU ke Pangkalan Udara Gong Kedak yang diketuai Inspektor Jeneral Tentera Udara, Mej Jen Dato' Johar Razali bin Hj Ahmad TUDM telah disambut oleh Komander Pangkalan, Brig Jen Dato' Suhaimi bin Hussain TUDM serta Pegawai-pegawai Kanan dan pegawai-pegawai Pangkalan Udara Gong Kedak. Pemeriksaan Tahunan Audit IGTU telah berlangsung selama 4 hari bermula 12 sehingga 15 Mac 18 merangkumi semua Skuadron dan Cawang.

Dalam rangka lawatan, beliau telah dibawa ke Markas Pangkalan untuk menandatangani Buku Lawatan dan seterusnya dibawa melawat dan melaksanakan pemeriksaan di Skuadron dan Cawang. Pemeriksaan yang berlangsung di Pangkalan Udara Gong Kedak menekankan tiga kriteria pengauditan iaitu keselamatan, kesiagaan dan pengurusan. Selain itu juga, aturcara pemeriksaan juga merangkumi program Memperkasakan Budaya Keselamatan sebagai kesinambungan kepada implementasi Safety Management System (SMS) dimana taklimat telah disampaikan oleh anggota IGTU kepada Warga Pangkalan bertempat di Dewan Puteri Pangkalan.



